



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

**TEKS UCAPAN  
YB DATUK SERI UTAMA TENGKU ADNAN BIN TENGKU MANSOR  
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

**SEMPENA  
PROGRAM CATUR & PROGRAM GEN Y KREATIF  
SAMBUTAN HARI WILAYAH PERSEKUTUAN 2017**

**MENARA SERI WILAYAH  
KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN**

**11 FEBRUARI 2017 (SABTU)**

---

**Bismillah Hirrahman Nirrahim...**

**Terima kasih saudara/i Pengacara Majlis**

**(*Senarai salutasi akan diselaraskan kemudian*)**

**Para wakil media,**

**YBhg. Datuk-datuk, Datin-datin, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.**

1. Terlebih dahulu, saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurniaNya, kita dapat bersama – sama berkumpul di Menara Seri Wilayah ini, bagi menjayakan Program Catur dan Program Gen Y Kreatif yang telah berlangsung sejak awal pagi tadi dan ini merupakan antara program baru yang dilaksanakan bersempena Sambutan Hari Wilayah 2017. Tahniah diucapkan kepada semua yang terlibat terutamanya kerjasama dari Perbadanan Putrajaya, Ab Chess Resources, Persekutuan Catur Malaysia (MCF), Badan Amal Kasih Ibu dan Yayasan Kesejahteraan Bandar.
2. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada semua peserta yang turut serta dalam program anjuran Kementerian Wilayah Persekutuan dan Sekolah Kebangsaan Putrajaya Presint 18 (1) ini. Terima kasih tidak terhingga juga ingin saya ucapkan kepada ibu bapa, penjaga serta guru-guru yang datang beramai-ramai untuk menemani anak-anak bagi menyertai program pada hari ini. Saya amat menghargai penglibatan anak-anak dalam menjayakan pertandingan ini sejajar dalam usaha mempelbagaikan kegiatan dalam bentuk kejohanan dan pertandingan yang sihat dan mencabar keupayaan pelajar untuk mencapai tahap yang tertinggi.
3. Bagi Program Gen Y Kreatif pula yang turut diadakan bersekali pada hari ini saya ucapkan terima kasih kepada Perbadanan Putrajaya (PPj) dan juga 1Malaysia For Youth (IM4U) yang merupakan pakar golongan muda dan aktif dalam aktiviti kesukarelaan di Malaysia. Kerjasama yang diberi sungguh bermakna dalam menjayakan program ini bersama-sama pihak kementerian.

**Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,**

4. Festival Catur Putrajaya 2017 yang diadakan ini membawa pelbagai kelainan berbanding dengan pertandingan catur yang dipertandingkan sebelum ini. Buat julung kalinya penganjuran ini mensasarkan penyertaan dari pelbagai lapisan umur dan juga menggalakkan penyertaan dari golongan OKU. Penglibatan dari sekolah amat memberangsangkan bukan sahaja penyertaan dari sekolah-sekolah kerajaan malah terdapat juga penyertaan dari sekolah bertaraf antarabangsa dari seluruh Malaysia. Kami juga menerima penyertaan dari penggiat-penggiat catur hebat dari negara-negara jiran yang bertaraf International Master (IM) & Federation Master (FM). Terdapat juga 2 kali sesi acara bermain Simul bersama FM Ismail Ahmad. FM Ismail Ahmad merupakan pemegang rekod Pemain Simul dengan Lawan Teramai dalam *Malaysia Book of Records* yang dicipta pada tahun 2012. Para pengunjung diberi peluang bermain catur secara simul bersama FM Ismail Ahmad dan 10 hadiah menarik disediakan buat pemenang.
5. Di samping itu, keselesaan para pengunjung juga menjadi tanda aras utama yang perlu dipandang berat oleh pihak penganjur. Atas keperluan itu, pihak penganjur telah berkerjasama dengan pihak **KLCC Foodtruck Club** untuk menyediakan sebanyak 20 buah foodtruck bagi memastikan para pengunjung mendapatkan makanan dan minuman sepanjang hari berada di festival ini. Ruang legar yang luas lengkap dengan kipas kabus juga disediakan buat para pengunjung untuk bersantai bersama keluarga sambil menikmati keindahan pemandangan tasik Putrajaya. Pelbagai

aktiviti tambahan dan hadiah menarik tersedia buat para pengunjung pada hari ini. Pameran set catur dari Indonesia, jualan buku-buku dan cenderahati catur boleh didapati di booth-booth jualan yang telah disediakan.

**Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,**

6. Buat julung kalinya, Festival Catur Putrajaya 2017 ini akan melancarkan sebuah sistem aplikasi baharu, *i-SwissResult* yang mana ia dibangunkan oleh pasukan di bawah seliaan Puan Sedy Yanty binti Syaman. Aplikasi ini adalah aplikasi yang pertama seumpamanya digunakan di dalam pertandingan catur yang mana ia akan memberi impak positif yang besar dalam komuniti pengurusan catur di seluruh dunia amnya dan di dalam Malaysia khususnya.
7. Masalah pengurusan masa dalam sesebuah pertandingan catur dapat ditambahbaik dengan adanya aplikasi baharu ini. Sekiranya, kejayaan besar ini dapat dicapai di Festival Catur Putrajaya 2017, maka pasukan elit ini akan menyusun langkah untuk mendapatkan sokongan dan pengiktirafan dari pihak Persatuan Catur Malaysia (MCF) bagi memberi laluan kepada mereka untuk diperkenalkan aplikasi ini ke komuniti catur di seluruh Malaysia dan seterusnya ke peringkat antarabangsa.
8. Program Catur ini bertujuan untuk membentuk generasi pelajar yang memiliki keyakinan diri yang tinggi, berketerampilan, berdaya saing, kreatif serta inovatif dalam menyelesaikan masalah dan menghadapi pelbagai cabaran kehidupan. Ini kerana catur merupakan sukan yang

boleh mengajar kita banyak kemahiran dan kualiti di mana kita boleh mengadaptasi nilai-nilai yang ada dalam permainan ini kepada kehidupan seharian kita. Permainan catur memerlukan kesabaran untuk mengkaji dengan teliti apa yang sedang berlaku dan bertanggungjawab ke atas tindakan yang dilakukan serta tidak membuat keputusan terburu-buru demi memastikan perancangan yang diatur berjalan lancar.

9. Selain itu, objektif program catur ini juga adalah untuk memberi peluang kepada murid-murid dan individu memperlihatkan kebolehan dan kepakaran mereka dalam bidang catur yang boleh mendorong kepada kelahiran bakal-bakal Grand Master (GM) di Malaysia menerusi program seperti ini.
10. Program Gen Y Kreatif juga mempunyai objektifnya tersendiri iaitu untuk melahirkan generasi muda yang kreatif, berakhhlak, berpandangan jauh dan mampu menjadi pemimpin pada masa depan sejajar dengan usaha kementerian dalam membentuk dan membangun sahsiah yang unggul.
11. Jika kita lihat di WP, Generasi Y Kreatif membentuk 38% dari keseluruhan bilangan penduduk di Wilayah Persekutuan dan merupakan pelapis kepada pemimpin Negara dalam masa 10 hingga 20 tahun akan datang.
12. Antara aktiviti menarik anjuran Program Gen Y Kreatif juga termasuklah Pertandingan mural, Bazar Lokal, sembang warung kopi (forum) juga diselitkan dengan *pocket talk* kesukarelaan dan pembangunan usahawan oleh pelopor dalam bidang masing-masing. Kementerian yakin program ini mampu memberi kesedaran kepada generasi muda

dalam matlamat melahirkan generasi yang bertamadun, intelek, murni, ceria dan sihat.

**Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,**

13. Tema bagi program yang julung kalinya diadakan sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2017 ini adalah Putrajaya “Cemerlang Bersama Catur”. Tema ini selaras dengan prakarsa penganjur yang ingin melahirkan pelajar cemerlang yang holistik, berakhhlak mulia, berdisiplin tinggi, berilmu dan berketrampilan selaras dengan Falsafah Pendidikan Negara ke arah menjayakan Wawasan 2020.
14. Berlainan pula dengan Program Gen Y Kreatif yang lebih fokus kepada program yang mengadaptasi minat dan genre golongan muda di Wilayah Persekutuan. Rata-rata kajian yang dilakukan lebih banyak mengaitkan golongan Gen Y dengan jiwa yang kreatif dan berani
15. Saya juga difahamkan program ini bertujuan untuk memberi peluang kepada murid berkongsi bakat dan kebolehan mereka sekali gus dapat mencungkil bakat murid-murid di peringkat sekolah rendah dan menengah di Putrajaya.
16. Program-program seperti ini mampu mengeratkan silaturahim antara golongan muda dan golongan dewasa dan turut melibatkan kanak-kanak seawal usia 9 tahun selaras dengan konsep mesra rakyat sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2017.

**Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,**

17. Atas sokongan dari **Kementerian Pendidikan Malaysia** dan pengiktirafan dari **Persatuan Catur Malaysia**, Festival Catur Putrajaya 2017 ini dapat mencipta dan memecahkan rekod ***Malaysia Book of Records (MBOR)*** bagi **Pertandingan Catur dengan Penyertaan Kanak-kanak Teramai di Malaysia**. Pihak urusetia berjaya mendaftarkan lebih 1200 penyertaan peserta berumur di bawah 15 tahun. Festival ini juga menjadi lebih istimewa dengan adanya penyertaan pelajar OKU cacat penglihatan seramai 5 orang. **5 buah papan catur Braille** akan disediakan bagi menampung keperluan peserta tersebut untuk bertanding bersama – sama peserta celik yang lain.
18. Sebanyak 5 kategori yang dipertandingan iaitu kategori **Terbuka, Bawah 18 Tahun, Bawah 15 Tahun, Bawah 12 Tahun** dan **Bawah 9 Tahun**. Sungguh bertuah kesemua peserta pertandingan catur hari ini kerana hadiah-hadiah yang disediakan oleh pihak penganjur pertandingan ini sangat lumayan dan hadiah bukan sahaja kepada pemenang tempat pertama hingga tempat ke-3 malah kali ini, hadiah turut diberikan kepada peserta sehingga tempat ke-30.
19. Tidak ketinggalan, Pihak penganjur juga menyediakan pelbagai **hadiah cabutan bertuah** khas buat para pemain catur dan para pengunjung bagi memastikan memori di festival ini adalah sesuatu yang amat indah untuk dikenang oleh setiap pengunjung yang hadir. Antara hadiah cabutan yang disediakan adalah **TV Plasma, Basikal, Tablet, Telefon**

**Pintar, Jam Catur, Set Catur Edisi FCP2017, Drone, Hoverboard, hamper** dan banyak lagi.

**Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,**

20. Bukanlah matlamat utama bergiat cergas dalam aktiviti kesukunan untuk menjadi juara semata-mata, tetapi yang paling penting ialah mendorong semangat kesukunan itu sendiri. Harus diingat, aktiviti kesukunan dapat menerapkan semangat kerja berpasukan, meningkatkan semangat juang, meningkatkan ketahanan mental, menjalinkan silaturrahim dan sebagainya yang boleh diaplikasikan dalam konteks kehidupan dan kerja kita secara khususnya
21. Harapan saya ialah supaya program-program pada hari ini dapat diteruskan lagi pada masa akan datang kerana adanya semangat yang padu dari semua pihak termasuklah dari golongan muda dalam program ini banyak memberi input-input positif dari segi rohani dan jasmani. Semoga segala kelemahan yang telah dikenal pasti akan dapat diperbaiki dan semua pihak dapat membuat penambahbaikan agar pertandingan yang dianjurkan dapat berjalan dengan lancar pada masa hadapan.
22. Akhir kata, saya ingin mengucapkan Tahniah kepada Pemenang individu dan juga Sekolah yang mendorong penglibatan murid ke pertandingan ini. Semoga dengan pencapaian ini akan memberikan dorongan kepada sekolah untuk berkerjasama serta memberi peluang kepada murid-murid memperlihatkan kebolehan dan kepakaran mereka

dalam bidang catur. Tidak lupa juga kepada semua yang terlibat dalam menjayakan penganjuran Program Gen Y Kreatif pada hari ini yang juga membawa manfaat kepada generasi muda.

23. Dengan ini, saya mengakhiri ucapan saya dengan wabillahi taufik wal hidayah. Assalamualaikum warrahmatullahi wabarakatuh. Sekian, Terima Kasih.